

Headline	Mengenai Institut Terjemahan Negara Malaysia	Language	Malay
Date	31 Jul 2009	Page No	T5
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	442 cm²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	N/A	PRValue	26,207
Frequency	Daily		
ADValue	8,736		



Mengenai Institut Terjemahan Negara Malaysia



INSTITUT Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) adalah sebuah syarikat berhad yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada 14 September 1993 dengan tujuan untuk mengangkat industri terjemahan dalam negara, menangani urusan berkaitan terjemahan dan kejurubahasaan, selain bertanggungjawab merangsang usaha pemindahan ilmu pada semua peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Dengan modal asas yang dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan, dan pentadbirannya yang diuruskan Kementerian Pelajaran, ITNM bergerak selari dengan falsafah korporatnya untuk membina sebuah masyarakat progresif berteraskan sains dan teknologi, serta berusaha memperkaya ilmu dan menggalakkan daya saing negara dalam ekonomi serantau.

Penubuhan Institut Terjemahan Negara Malaysia secara umumnya dizahirkan selepas pelbagai saranan dan cadangan diusulkan kepada kerajaan, meminta supaya sebuah organisasi baru yang berasingan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) diwujudkan bagi membolehkan tumpuan terhadap pengurusan penterjemahan, kejurubahasaan dan penerbitan buku-buku berkaitan yang dianggap sebagai antara medium utama untuk menyalurkan ilmu pengetahuan dari luar dapat dikembangkan dengan lebih berkesan.

Cadangan penubuhan itu juga pada dasarnya diusulkan sebagai ganti kepada Biro Terjemahan Negara (BTN) yang ketika itu diletakkan di bawah pengurusan DBP, apabila ia dianggap oleh kebanyakan pihak (termasuk DBP sendiri) sebagai tidak mampu bergerak secara efektif, kesan keterbatasan fungsi dan organisasi. Justeru, maka penubuhan ITNM akhirnya dicadangkan kepada kerajaan – sebagai sebuah organisasi dan badan autonomi yang berwibawa di peringkat kebangsaan – bertanggungjawab menguruskan, mengendalikan dan memajukan bidang penterjemahan serta kejurubahasaan negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selari dengan keputusan tersebut, maka ITNM selepas penubuhannya pada 14 September 1993, bertanggungjawab sepenuhnya menguruskan segala hal ehwal terjemahan yang sebelum itu di bawah kendalian DBP bagi mengelakkan berlakunya pertindihan fungsi antara kedua-dua pihak.

Falsafah dan Iltizam ITNM adalah:

- Pusat yang memberikan khidmat terjemahan buku, dokumen, maklumat, perisian dan bahan bacaan lain daripada pelbagai bahasa ke dalam bahasa Melayu dan juga bahasa lain.
- Pusat khidmat kejurubahasaan untuk pelanggan di dalam dan luar negara.
- Pusat pengembangan profesional yang memupuk kaedah, teknik dan seni terjemahan, kejurubahasaan dan pemindahan maklumat dalam pelbagai bahasa.

Headline	Mengenai Institut Terjemahan Negara Malaysia		
Date	31 Jul 2009	Language	Malay
MediaTitle	Utusan Malaysia	Page No	T5
Section	Supplement	Article Size	442 cm²
Journalist	N/A		
Frequency	Daily	Color	Full Color
ADValue	8,736	PRValue	26,207

- Pusat pengembangan sumber manusia yang melatih dan meningkatkan kemahiran penterjemah, penyunting, jurubahasa dan profesional bahasa yang berkaitan untuk memenuhi keperluan negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Pusat rujukan yang menetapkan piawaian dan jaminan mutu terjemahan, kejurubahasaan dan pemindahan maklumat di Malaysia.

Misi

- Untuk menghapuskan halangan bahasa dan merangsang pemindahan ilmu untuk menjana masyarakat progresif, dinamik dan berbudaya melalui terjemahan.
- Untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai medium pemikiran dalam bidang sains, teknologi dan budaya melalui terjemahan.

Visi

Untuk menjadi badan penterjemahan terunggul di Malaysia.

Objektif

- Menyediakan khidmat terjemahan, kejurubahasaan dan pemindahan ilmu yang berkualiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Menterjemah bahan pengetahuan, khususnya karya bermutu ke dalam bahasa Melayu.
- Menterjemah karya penting tempatan ke dalam bahasa lain.
- Menyediakan latihan dan bimbingan dalam bidang terjemahan dan bahasa.

Khidmat ITNM

- Khidmat terjemahan
- Khidmat suntingan
- Khidmat kejurubahasaan
- Khidmat latihan
- Khidmat sari kata
- Khidmat sokongan:
 1. Atur huruf bahasa asing
 2. Percetakan
 3. Pengesahan dokumen terjemahan (bahan rasmi/undang-undang)

Hubungi ITNM

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi alamat berikut:

Institut Terjemahan Negara Malaysia
Wisma ITNM, No 2, Jalan 2/27E
Seksyen 10, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur
Tel: (603) 4149 7210
Faks: (603) 4149 1535
E-mel: info@itnm.com.my